



14 SEP, 2019

Suruhanjaya Tenaga serbu dua premis pusat hiburan disyaki curi elektrik

New Sabah Times Bahasa (KK), Malaysia

Suruhanjaya Tenaga serbu dua premis pusat hiburan disyaki curi elektrik

LABUAN : Suruhanjaya Tenaga (ST) membuat serbuan keatas dua buah premis pusat hiburan di sini, kerana melakukan usikan pada pemasangan meter elektrik (curi elektrik) menyebabkan pihak Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) mengalami kerugian puluhan ribu sejak beberapa bulan lalu.

Serbuan yang dijalankan malam hari Khamis itu diketuai oleh Timbalan Pengarah Perancangan dan Penyelarasan Penguatkuasaan Suruhanjaya Tenaga Putrajaya, Ir Shafie Mohamed dalam satu operasi bersepadu yang melibatkan 33 anggota terdiri daripada 20 kakitangan SESB, 11 kakitangan Suruhanjaya Tenaga dan dua anggota polis bantuan SESB.

Shafie berkata, operasi yang bermula sekitar 9 malam itu telah mendapati kedua-dua premis pusat hiburan yang terletak di Jalan Bunga Dahlia dan Jalan Puteri Melor pusat bandar telah melakukan pengusikkan meter elektrik sehingga menyebabkan ia gagal merekodkan bacaan dengan sempurna.

"Jika sabit kesalahan kedua-dua pemilik premis tersebut boleh didakwa di bawah Seksyen 37 (1) dan Seksyen 37 (3) Akta Bekalan Elektrik 1990 yang membawa hukuman denda sehingga RM5 juta atau penjara sehingga 10

tahun atau kedua-duanya, katanya dalam satu sidang media di Pejabat SESB Wilayah Persekutuan Labuan, pagi kelmarin.

Hadir sama Pemangku Pengarah Urusan SESB, Ir. Abdul Nasser Abdul Wahid, Pengurus Besar Kanan, Pengurusan Aset SESB, Ir. Norhizami Abu Hassan, Pengurus Besar SESB Ir. Addie Ahmad dan Pengarah Kawasan, Suruhanjaya Tenaga Pantai Barat Sabah, Jeffrey Nuri.

Sementara itu, Abdul Nasser berkata, sejak 2017 hingga September 2019, SESB telah merekodkan sebanyak 1,284 Kes Usikan Pemasangan Meter (KUPM) melibatkan kerugian sebanyak RM6.4 juta.

"Daripada jumlah itu SESB Labuan telah merekodkan sebanyak 204 KUPM untuk tempoh yang sama dengan kerugian sebanyak RM1.3 juta" katanya.

Jelas Abdul Nasser, usikan pemasangan meter bukan sahaja menjadi kesalahan yang boleh didakwa di mahkamah tetapi juga boleh mengakibatkan kejadian yang tidak diingini kepada pelaku seperti terkena, renjatan elektrik atau kebakaran kepada premis terlibat.-OLEH JAIN-UDIN DJIMIN



RAMPAS...Shafie (dua kiri), Abdul Nasser (tiga kanan), Norhizami (dua kanan) dan Jeffrey (kiri sekali) menunjukkan meter yang dirampas dalam serbuan di dua premis pusat hiburan di pusat bandar pada malam hari Khamis.



14 SEP, 2019

Suruhanjaya Tenaga serbu dua premis pusat hiburan disyaki curi elektrik

New Sabah Times Bahasa (KK), Malaysia

SUMMARIES

-ABUAN : Suruhanjaya Tenaga (ST) membuat serbuan keatas dua buan premis pusat niburan di sini, kerana meiakukan usikan pada papasangan meter eiektrik (curi elektrik^ menyebabkan pinak Sabah Electricity Sdn Bhd (SESBi mengalami kerugian puiuhan ribu sejak beberapa butan lalu.